

NO. SOALAN: 113

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah syarat-syarat dan tatacara piawai operasi atau “*Standard Operating Procedure*” bagi memberi izin kepada pengajar atau speaker agama menyampaikan ceramah di tempat umum.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara berkaitan perundangan Islam termasuk mengajar atau menyampaikan ceramah agama Islam adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri seperti yang diperuntukan dalam Butiran 1, Senarai II Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Misalnya di Wilayah Persekutuan, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan 1993) [Akta 505] telah memperuntukkan Seksyen 96 - mengenai Penubuhan Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama, Prosedur Memohon Tauliah, Kelayakkan Memohon, Proses Temuduga serta Syarat-Syarat yang Berkaitan Tauliah Mengajar Agama Islam. Jawatankuasa Pengawasan Agama Islam ini ditubuhkan di bawah bidangkuasa Majlis Agama Islam Negeri dan dipengerusikan oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri.

Dari segi syarat-syarat untuk mengajar agama Islam, ia telah ditetapkan melalui Kaedah Tauliah Mengajar Agama Islam yang dibuat di bawah Akta 505. Kelayakan permohonan tauliah tersebut adalah seperti berikut;

- i. memegang suatu kelayakan pengajian Islam daripada Universiti tempatan atau luar negeri yang diiktiraf; atau
- ii. berpengetahuan dalam hukum syarak; dan
- iii. telah mencapai umur 21 tahun dan dalam hal pengajaran al-Quran dan tajwid berumur 18 tahun.

Bagi penceramah luar negara, mereka atau penganjurnya bolehlah mengemukakan permohonan tauliah mengajar kepada pihak berkuasa agama negeri dan pihak keselamatan.

Sekian, terima kasih.